



**SKIM LANTIKAN  
KAKITANGAN  
AKADEMIK  
USIM**

*(Berdasarkan Kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah  
Universiti Siri 3/2009 Bertarikh 15 Jun 2009)*

KRITERIA & SKIM LANTIKAN	MUKASURAT
<b>Pakar daripada Kerajaan dan Swasta</b>	
A. Felo Utama (Untuk Skim Profesor)	3
B. Felo Kanan (Untuk Skim Prof. Madya)	5
<b>Pakar Perunding</b>	
C. Pakar Perunding Kanan (Untuk Skim Profesor)	7
D. Pakar Perunding (Untuk Skim Prof. Madya)	9
E. Pengajar Khas (Bekas Prof. dan Prof. Madya)	11
F. Pengajar Khas (Bekas Pensyarah)	12
G. Pelantikan Felo Akademik	13
H. Pelantikan Profesor Pelawat	14
I. Pelantikan Pemeriksa Luar Program Akademik	16
J. Pelantikan Penilai Luar Program Akademik	17
K. Pelantikan Profesor Adjung	18
L. Pelantikan Kursi Kurniaan	19
M. Pelantikan Felo Penyelidik	21
N. Pelantikan Sarjana Tamu	22
O. Pelantikan Karyawan Tamu	23
P. Lantikan Bersama ( <i>Double Appointment</i> )	25
Q. Pelantikan Speakers Jemputan	26
R. Pelantikan Pensyarah Jemputan	27

**A. FELO UTAMA**  
**(Untuk Skim Profesor)**

3

1. Fakulti/Pusat/Institut boleh memilih calon-calon dari sektor Kerajaan dan bukan Kerajaan yang pakar dan sesuai dengan keperluan Fakulti / Pusat / Institut sebagai tenaga pengajar untuk memantapkan program/kursus yang ditawarkan.
2. Perakuan daripada Fakulti diperlukan dengan mengemukakan latar diri kepakaran serta kecemerlangan calon dan kelulusan Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti / Pusat / Institut dengan cadangan tempoh pelantikan sama ada 1 tahun, 2 tahun atau 3 tahun (maksimum tempoh pelantikan 3 tahun).
3. Mendapatkan kelulusan/persetujuan organisasi asal (tempat calon bertugas) dengan tempoh yang dicadangkan.
4. Calon yang dicadangkan oleh Mesyuarat Fakulti atau Mesyuarat yang setaraf seterusnya akan diperakukan untuk kelulusan Naib Canselor dan dipanggil temuduga.
5. Calon-calon terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara (jika bukan warganegara perlu kelulusan Jabatan Imigresen).
6. Tiada had umur ditetapkan bagi skim pelantikan ini.
7. Lantikan juga boleh dipertimbangkan atas Gred VK6 dan Gred VK5 berdasarkan kelulusan LPU Bil. 3/2006 dan kadar bayaran imbuhan adalah mengikut gred.
8. Skim ini adalah tertakluk kepada pindaan Pekeliling-Pekeliling/ Surat-Surat Pekeliling/ Arahan Pentadbiran yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

**SKIM LANTIKAN**

1. Jawatan : Felo Utama  
*(\* Lantikan juga boleh dipertimbangkan atas Gred VK6 dan Gred VK5 berdasarkan kelulusan LPU Bil.3/2006)*
2. Tempoh Lantikan (Kontrak) : 1 - 3 Tahun (maksimum 3 Tahun)
3. Imbuhan : RM9480.90 sebulan di atas gred gaji VK7 (matagaji 5)  
Elaun-elaun :  
ITGK : RM 1 000.00 sebulan  
ITP : RM 1 300.00 sebulan  
Elaun Keraian : RM 2 500.00 sebulan  
Elaun Pembantu Rumah : RM 500.00 sebulan  
Elaun Penyelenggaraan Rumah : RM 2 000.00 setahun
4. Perubatan : Untuk diri sendiri dan ahli Keluarga di Klinik Panel atau Hospital Kerajaan /Hospital Universiti bagi rawatan pakar.
5. Kemudahan tambang kapal terbang pergi dan balik (dalam tempoh pelantikan).

## 6. Bidang tugas:

: Menjalankan pengajaran kursus

: Menjalankan penyelidikan/perundingan dan seterusnya menerbitkan hasil-hasilnya atau membentangkan hasil kajiannya di seminar Jabatan / Fakulti Universiti atau luar USIM (penyelidikan boleh dilakukan dengan memohon peruntukan Universiti/ IRPA atau tajaan dari luar).

: Hasil penulisan atau penerbitan adalah menjadi kepunyaan Universiti.

: Kebenaran dari Universiti diperlukan jika hasil / penulisan untuk diterbitkan di luar. Royalti (jika berkenaan) akan dibayar mengikut peraturan yang berkuatkuasa di Universiti, jika buku / penulisan diterbitkan oleh USIM.

## 7. Cuti

: 25 hari setahun tertakluk kepada kelulusan Naib Canselor dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2008: Kadar Cuti Rehat Tahunan dan Tawaran Opsyen Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam; dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2008: Pemberian Wang Tunai Sebagai Gantian Bagi Cuti Rehat Yang Tidak Dapat Dihakiskan Oleh Pegawai Lantikan Kontrak (*Contract of Service*). Cuti pegawai akan luput jika tidak diambil pada tahun semasa perkhidmatan.

## 8. Ganjaran

: Dibayar ganjaran sebanyak 17.5% daripada gaji terakhir diterima bagi tiap-tiap bulan genap perkhidmatan, termasuk cuti yang diluluskan, ditolak caruman Bahagian Kerajaan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta faedahnya dengan syarat perkhidmatan yang diberi memuaskan.

## 9. Penamatan

Perkhidmatan : Pihak Universiti dan calon boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberi **tiga puluh (30) hari notis atau membayar sebulan gaji sebagai ganti notis.**

**B. FELO KANAN**  
**(Untuk Skim Profesor Madya)**

5

1. Fakulti / Pusat / Institut boleh memilih calon-calon dari sektor Kerajaan dan bukan Kerajaan yang pakar dan sesuai dengan keperluan Fakulti / Pusat / Institut sebagai tenaga pengajar untuk memantapkan program/kursus yang ditawarkan.
2. Perakuan daripada Fakulti diperlukan dengan mengemukakan latar diri kepakaran serta kecemerlangan calon dan kelulusan Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti / Pusat / Institut dengan cadangan tempoh pelantikan sama ada 1 tahun, 2 tahun atau 3 tahun (maksimum tempoh pelantikan 3 tahun).
3. Mendapatkan kelulusan/persetujuan organisasi asal (tempat calon bertugas) dengan tempoh yang dicadangkan.
4. Calon yang dicadangkan oleh Mesyuarat Fakulti atau Mesyuarat yang setaraf seterusnya akan diperakui untuk kelulusan Naib Canselor dan dipanggil temuduga.
5. Calon-calon terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara (jika bukan warganegara perlu kelulusan Jabatan Imigresen).
6. Tiada had umur ditetapkan bagi skim pelantikan ini.
7. Skim ini adalah tertakluk kepada pindaan Pekeliling-Pekeliling/ Surat-Surat Pekeliling/ Arahan Pentadbiran yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

**SKIM LANTIKAN**

1. Jawatan : Felo Kanan
2. Tempoh Lantikan (Kontrak) : 1 - 3 tahun
3. Imbuhan : RM 6797.08 sebulan di atas gred gaji DS53 P1T10, RM 6 900.05 sebulan di atas gred gaji DU53 P1T10 atau RM 6 821.28 atas gred gaji DUG53 P1T10.  
  
Elaun-elaun:  
ITP : RM 900.00  
ITK : RM 800.00  
Bantuan Sara Hidup : RM 200.00/ RM 300.00
4. Perubatan : Untuk diri sendiri dan ahli keluarga di Klinik Panel atau Hospital Kerajaan/ Hospital Universiti bagi rawatan pakar.
5. Kemudahan tambang kapal terbang pergi dan balik (dalam tempoh pelantikan).

## 6. Bidang Tugas:

: Menjalankan pengajaran kursus

: Menjalankan penyelidikan / perundingan dan seterusnya menerbitkan hasil hasilnya atau membentangkan hasil kajiannya di seminar Jabatan Fakulti Universiti atau luar USIM (penyelidikan boleh dilakukan dengan memohon peruntukan Universiti / IRPA atau tajaan dari luar).

: Hasil penulisan atau penerbitan adalah menjadi kepunyaan Universiti.

: Kebenaran dari Universiti diperlukan jika hasil / penulisan untuk diterbitkan di luar. Royalti (jika berkenaan) akan dibayar mengikut peraturan yang berkuatkuasa di Universiti, jika buku/penulisan diterbitkan oleh USIM.

## 7. Cuti

: 25 hari setahun tertakluk kepada kelulusan Naib Canselor dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2008: Kadar Cuti Rehat Tahunan dan Tawaran Opsyen Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam; dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2008: Pemberian Wang Tunai Sebagai Gantian Bagi Cuti Rehat Yang Tidak Dapat Dihakiskan Oleh Pegawai Lantikan Kontrak (*Contract of Service*). Cuti pegawai akan luput jika tidak diambil pada tahun semasa perkhidmatan.

## 8. Ganjaran

: Dibayar ganjaran sebanyak 17.5% daripada gaji terakhir diterima bagi tiap-tiap bulan genap perkhidmatan, termasuk cuti yang diluluskan, ditolak caruman Bahagian Kerajaan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta faedahnya dengan syarat perkhidmatan yang diberi memuaskan.

## 9. Penamatan Perkhidmatan

: Pihak Universiti dan calon boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberi **tiga bulan notis atau membayar sebulan gaji sebagai ganti notis.**

**C. PAKAR PERUNDING KANAN  
(Untuk Skim Profesor)**

7

1. Fakulti / Pusat / Institut boleh memilih calon-calon dari luar USIM yang pakar dan sesuai dengan keperluan Fakulti / Pusat / Institut sebagai Pakar Perunding Klinikal dan pengajaran untuk memantapkan program/kursus yang ditawarkan.
2. Perakuan daripada Fakulti diperlukan dengan mengemukakan latar diri kepakaran serta kecemerlangan calon dan kelulusan Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti / Pusat / Institut dengan cadangan tempoh pelantikan sama ada 1 tahun, 2 tahun atau 3 tahun (maksimum tempoh pelantikan 3 tahun).
3. Mendapatkan kelulusan/persetujuan organisasi asal (tempat calon bertugas) dengan tempoh yang dicadangkan.
4. Calon yang dicadangkan oleh Mesyuarat Fakulti atau Mesyuarat yang setaraf seterusnya akan diperakukan untuk kelulusan Naib Canselor dan dipanggil temuduga.
5. Calon-calon terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara (jika bukan warganegara perlu kelulusan Jabatan Imigresen).
6. Tiada had umur ditetapkan bagi skim pelantikan ini.
7. Lantikan juga boleh dipertimbangkan atas Gred VK6 dan Gred VK5 berdasarkan kelulusan LPU Bil. 3/2006 dan kadar bayaran imbuhan adalah mengikut gred.
8. Skim ini adalah tertakluk kepada pindaan Pekeliling-Pekeliling/ Surat-Surat Pekeliling/ Arahan Pentadbiran yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

**SKIM LANTIKAN**

1. Jawatan : Pakar Perunding Kanan  
*(\* Lantikan juga boleh dipertimbangkan atas Gred VK6 dan Gred VK5 berdasarkan kelulusan LPU Bil.3/2006)*
2. Tempoh Lantikan (Kontrak) : 1 – 3 tahun
3. Imbuhan : RM9480.90 sebulan di atas gred gaji VK7 (matagaji 5)  
  
Elaun-elaun:  
ITGK : RM 1 000.00  
ITP : RM 1 300.00  
Elaun Keraian : RM 2 500.00  
Elaun Pembantu Rumah : RM 500.00  
Elaun Penyelenggaraan : RM 2 000.00  
Elaun Insentif Khas : RM 400.00  
Elaun Pakar\* : RM 3 100.00  
\*(Dibayar setelah diiktiraf sebagai Pakar)
4. Perubatan : Untuk diri sendiri dan ahli keluarga di Klinik Panel atau Hospital Kerajaan/ Hospital Universiti bagi rawatan pakar.

5. Kemudahan tambang kapal terbang pergi dan balik (dalam tempoh perkhidmatan).
6. Bidang Tugas:
  - : Menjalankan tugas klinikal dan pengajaran.
  - : Menjalankan penyelidikan / perundingan dan seterusnya menerbitkan hasil hasilnya atau membentangkan hasil kajiannya di seminar Jabatan / Fakulti USIM atau luar USIM (penyelidikan boleh dilakukan dengan memohon peruntukan Universiti / IRPA atau tajaan dari luar).
  - : Hasil penulisan atau penerbitan adalah menjadi kepunyaan Universiti.
  - : Kebenaran dari Universiti diperlukan jika hasil / penulisan untuk diterbitkan di luar. Royalti (jika berkenaan) akan dibayar mengikut peraturan yang berkuatkuasa di Universiti, jika buku/penulisan diterbitkan oleh USIM.
7. Cuti : 25 hari setahun tertakluk kepada kelulusan Naib Canselor dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2008: Kadar Cuti Rehat Tahunan dan Tawaran Opsyen Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam; dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2008: Pemberian Wang Tunai Sebagai Gantian Bagi Cuti Rehat Yang Tidak Dapat Dihabiskan Oleh Pegawai Lantikan Kontrak (*Contract of Service*). Cuti pegawai akan luput jika tidak diambil pada tahun semasa perkhidmatan.
8. Ganjaran : Dibayar ganjaran sebanyak 17.5% daripada gaji terakhir diterima bagi tiap-tiap bulan genap perkhidmatan, termasuk cuti yang diluluskan, ditolak caruman Bahagian Kerajaan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta faedahnya dengan syarat perkhidmatan yang diberi memuaskan.
9. Penamatan Perkhidmatan : Pihak Universiti dan calon boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberi **tiga puluh (30) hari notis atau membayar sebulan gaji sebagai ganti notis.**

**D. PAKAR PERUNDING**  
**(Untuk Skim Profesor Madya)**

9

1. Fakulti / Pusat / Insitut boleh memilih calon-calon dari luar USIM yang pakar dan sesuai dengan keperluan Fakulti / Pusat / Institut sebagai Pakar Perunding Klinikal dan Pengajaran untuk memantapkan program / kursus yang ditawarkan.
2. Perakuan daripada Fakulti diperlukan dengan mengemukakan latar diri kepakaran serta kecemerlangan calon dan kelulusan Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti / Pusat / Institut dengan cadangan tempoh pelantikan sama ada 1 tahun, 2 tahun atau 3 tahun (maksimum tempoh pelantikan 3 tahun).
3. Mendapatkan kelulusan/persetujuan organisasi asal (tempat calon bertugas) dengan tempoh yang dicadangkan.
4. Calon yang dicadangkan oleh Mesyuarat Fakulti atau Mesyuarat yang setaraf seterusnya akan diperakukan untuk kelulusan Naib Canselor dan dipanggil temuduga.
5. Calon-calon terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara (jika bukan warganegara perlu kelulusan jabatan Imigresen).
6. Tiada had umur ditetapkan bagi skim pelantikan ini.
7. Skim ini adalah tertakluk kepada pindaan Pekeliling-Pekeliling/ Surat-Surat Pekeliling/ Arahan Pentadbiran yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

**SKIM LANTIKAN**

1. Jawatan : Pakar Perunding
2. Tempoh Lantikan (Kontrak) : 1 – 3 tahun
3. Imbuan : RM6900.05 sebulan di atas gred gaji DU53 P1T10 atau RM6821.28 atas gred gaji DUG53 P1T10.  
Elaun-Elaun:  
ITP : RM 900.00  
ITK : RM 800.00  
Elaun Kritikal : RM 750.00  
Bantuan Sara Hidup : RM 200.00/RM 300.00  
Elaun Pakar : RM 2800.00  
(Dibayar setelah diiktiraf sebagai Pakar)
4. Perubatan : Untuk diri sendiri dan ahli keluarga di Klinik Panel atau Hospital Kerajaan/ Hospital Universiti bagi rawatan pakar.
5. Kemudahan tambang kapal terbang pergi dan balik (dalam tempoh pelantikan).

## 6. Bidang Tugas:

- : Menjalankan tugas klinikal dan pengajaran.
- : Menjalankan penyelidikan / perundangan dan seterusnya menerbitkan hasil-hasilnya atau membentangkan hasil kajiannya di seminar Jabatan / Fakulti Universiti atau luar USIM (penyelidikan boleh dilakukan dengan memohon peruntukan Universiti / IRPA atau tajaan dari luar).
- : Hasil penulisan atau penerbitan adalah menjadi kepunyaan Universiti.
- : Kebenaran dari Universiti diperlukan jika hasil / penulisan untuk diterbitkan di luar. Royalti (jika berkenaan) akan dibayar mengikut peraturan yang berkuatkuasa di Universiti, jika buku/penulisan diterbitkan oleh USIM.

## 7. Cuti

- : 25 hari setahun tertakluk kepada kelulusan Naib Canselor dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2008: Kadar Cuti Rehat Tahunan dan Tawaran Opsyen Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam; dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2008: Pemberian Wang Tunai Sebagai Gantian Bagi Cuti Rehat Yang Tidak Dapat Dihabiskan Oleh Pegawai Lantikan Kontrak (*Contract of Service*). Cuti pegawai akan luput jika tidak diambil pada tahun semasa perkhidmatan.

## 8. Ganjaran

- : Dibayar ganjaran sebanyak 17.5% daripada gaji terakhir diterima bagi tiap-tiap bulan genap perkhidmatan, termasuk cuti yang diluluskan, ditolak caruman Bahagian Kerajaan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta faedahnya dengan syarat perkhidmatan yang diberi memuaskan.

## 9. Penamatan

- Perkhidmatan : Pihak Universiti dan calon boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberi **tiga puluh (30) hari notis atau membayar sebulan gaji sebagai ganti notis.**

**E. PELANTIKAN PENGAJAR KHAS**

1. Jawatan : Pengajar Khas (Bekas Profesor/Profesor Madya).
2. Tempoh Pelantikan : 1 atau 2 tahun (boleh diperbaharui sehingga calon berumur 65 tahun tertakluk kepada keperluan Fakulti dan kesihatan calon yang memuaskan).
3. Bentuk Pelantikan : Kontrak Sepenuh Masa.
4. Imbuhan (Sebulan) : Bekas Profesor : RM 5 500.00  
Bekas Profesor Madya : RM 4 500.00
5. Kemudahan Perubatan: Rawatan untuk diri sendiri sahaja sama ada di Klinik Panel atau Hospital Kerajaan/Universiti.
6. Kemudahan Cuti : 30 hari setahun (cuti luput jika tidak diambil dalam tempoh sesuatu pelantikan).
7. Notis Berhenti : 1 bulan notis atau 1 bulan imbuhan sebagai ganti notis.
8. Bidang Tugas : Mengajar sekurang-kurangnya 12 jam seminggu kursus-kursus dalam bidang kepakaran di peringkat pra-siswazah atau/dan ijazah lanjutan.  
: Menyelia di peringkat pra-siswazah atau/dan pasca siswazah.  
: Menyedia kertas soalan peperiksaan dan menyemak skrip jawapan peperiksaan.  
: Menghadiri mesyuarat di peringkat Fakulti/Jabatan sebagai ahli turut hadir.  
: Apa-apa tugas yang diarahkan oleh Dekan/Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.
9. Kriteria Pelantikan : Bekas Profesor atau Profesor Madya USIM yang telah bersara wajib.  
: Mempunyai rekod pengajaran yang memuaskan.  
: Mempunyai kepakaran yang diperlukan oleh Jabatan Fakulti untuk tujuan pengajaran.
10. Prosedur Pelantikan : Diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian Kesepakaran Fakulti/Pusat/Institut.  
: Diperakukan oleh Jawatankuasa Pembaharuan Perkhidmatan/Pelantikan Semula Selepas Bersara.

**F. PELANTIKAN PENGAJAR KHAS**

1. Jawatan : Pengajar Khas (Bekas Pensyarah).
2. Tempoh Pelantikan : 1 atau 2 tahun (boleh diperbaharui sehingga calon berumur 65 tahun tertakluk kepada keperluan Fakulti dan kesihatan calon yang memuaskan).
3. Bentuk Pelantikan : Kontrak Sepenuh Masa.
4. Imbuhan (Sebulan) : Bekas Pensyarah Kanan : RM 4 000.00  
Bekas Pensyarah : RM 3 500.00
5. Kemudahan Perubatan: Rawatan untuk diri sendiri sahaja sama ada di Klinik Panel atau Hospital Kerajaan/Universiti.
6. Kemudahan Cuti : 30 hari setahun (cuti luput jika tidak diambil dalam tempoh sesuatu pelantikan).
7. Notis Berhenti : 1 bulan notis atau 1 bulan imbuhan sebagai ganti notis.
8. Bidang tugas : Mengajar sekurang-kurangnya 12 jam seminggu.  
: Menyelia di peringkat prasiswazah.  
: Menyedia kertas soalan peperiksaan dan menyemak skrip jawapan peperiksaan.  
: Menghadiri mesyuarat di peringkat Fakulti/Jabatan sebagai ahli turut hadir.  
: Apa-apa tugas yang diarahkan oleh Dekan/Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.
9. Kriteria Pelantikan : Bekas Pensyarah yang telah bersara wajib.  
: Mempunyai rekod pengajaran yang memuaskan.  
: Mempunyai kepakaran yang diperlukan oleh Jabatan Fakulti untuk tujuan pengajaran.  
: Bilangan tenaga pengajar (bagi bidang berkenaan) tidak mencukupi.
10. Prosedur Pelantikan : Diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian Kesepakatan Fakulti/Pusat/Institut.  
: Diperakukan oleh Jawatankuasa Pembaharuan.  
: Perkhidmatan/Pelantikan Semula Selepas Bersara.

**G. PELANTIKAN FELO AKADEMIK** 13  
**[Khusus Untuk Pusat Pengajian Siswazah (PPS)]**

1. Jawatan : Felo Akademik.
2. Tempoh Pelantikan : 12 Minggu.
3. Imbuan : Imbuan sebanyak RM1 500.00 – RM 5 000.00 berdasarkan kelayakan untuk satu tempoh pelantikan.  
  
Bayaran dibuat secara bulanan iaitu setelah dipastikan tugas yang diberikan telah disempurnakan.
4. Kemudahan Perubatan : Rawatan Pesakit Luar untuk diri sendiri sahaja sama ada di Klinik Panel atau Hospital Kerajaan/ Universiti.
5. Bidang tugas : Menjalankan projek khusus yang ditentukan oleh Pusat Pengajian Siswazah.  
  
: Membentangkan seminar siswazah (kepada pelajar siswazah dan ahli akademik) sekurang kurangnya sekali dalam pelantikan.  
  
: Berbincang dengan pelajar siswazah mengenai bidang kepakarannya dan yang berkaitan.  
  
: Membimbing wacana siswazah dalam bidangnya dari masa ke semasa.  
  
: Dan lain-lain tugas yang akan ditentukan oleh Pengarah PPS.
6. Prosedur Pelantikan : Diperakukan oleh Pengarah PPS.

## H. PELANTIKAN PROFESOR PELAWAT

1. Fakulti/Pusat/Institut boleh memilih calon-calon dari Universiti-universiti luar/ dalam negeri yang pakar dan sesuai dengan keperluan Fakulti/Pusat/Institut sebagai tenaga pengajar untuk memantapkan program/kursus yang ditawarkan.
2. Perakuan daripada Fakulti/Pusat/Institut diperlukan dengan mengemukakan latar diri kepakaran serta kecemerlangan calon dengan cadangan tempoh pelantikan tidak melebihi 6 bulan (maksimum tempoh pelantikan tenaga pengajar pelawat 6 bulan).
3. Memenuhi syarat mendapatkan kelulusan/persetujuan organisasi asal (tempat calon bertugas) serta calon dalam tempoh yang dicadangkan.
4. Calon yang dicadangkan oleh Fakulti/Pusat/Institut seterusnya akan diperakukan untuk kelulusan Naib Canselor.
5. Calon-calon terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara (jika bukan warganegara perlu dapatkan Pas Ikhtisas daripada Jabatan Imigresen).
6. Tiada had umur ditetapkan bagi skim pelantikan ini.

### SKIM LANTIKAN

1. Jawatan : Profesor Pelawat.
2. Tempoh Lantikan (Kontrak) : Enam bulan atau kurang.
3. Elaun dan Kemudahan :

JAWATAN	HONORARIUM SEBULAN (RM)	ELAUN HARIAN (RM)	KEMUDAHAN
Profesor	5 000.00	150.00	Penginapan/Hotel dan Tiket Kapal Terbang Kelas Perniagaan untuk seorang sahaja.
Profesor Madya	4 000.00	100.00	Penginapan/Hotel dan Tiket Kapal Terbang Kelas Ekonomi untuk seorang sahaja.
Pensyarah	2 000.00	60.00	Penginapan/Hotel dan Tiket Kapal Terbang Kelas Ekonomi untuk seorang sahaja.

4. Kemudahan Perubatan : Untuk diri sendiri di Klinik Panel atau Hospital Kerajaan/Hospital Universiti.
5. Bidang Tugas : Menjalankan pengajaran kursus.  
: Menjalankan penyelidikan/ perundingan/ persidangan/penerbitan.  
: Tugas-tugas lain yang dikenalpasti oleh Fakulti Pusat/Institut.
6. Cuti : Budibicara.
7. Penamatan Perkhidmatan : Pihak Universiti dan calon boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberitahu secara bertulis kepada pihak Pengurusan Universiti.

## I. PEMERIKSA LUAR PROGRAM AKADEMIK

1. Fakulti/Pusat/Institut boleh memilih calon-calon daripada Universiti luar/dalam negara yang pakar dan sesuai dengan keperluan Fakulti/Pusat/Institut sebagai pemeriksa peperiksaan Pelajar Diploma, Sarjana dan Doktor Falsafah.
2. Perakuan daripada Fakulti diperlukan dengan mengemukakan latar diri kepakaran serta kecemerlangan calon dan kelulusan peringkat mesyuarat Fakulti/Pusat/ Institut dengan cadangan tempoh pelantikan.
3. Calon yang dicadangkan oleh Fakulti seterusnya akan diperakukan untuk kelulusan Senat.
4. Memenuhi syarat mendapatkan kelulusan/persetujuan organisasi asal (tempat calon bertugas).
5. Calon-calon terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara.
6. Tiada had umur ditetapkan bagi skim pelantikan ini.

### SKIM LANTIKAN

1. Jawatan : Pemeriksa Program Akademik.
2. Tempoh Lantikan (Kontrak) : Sama dengan tempoh peperiksaan yang dijalankan.
3. Elaun dan Kemudahan :

PEMERIKSA/ LUAR (BUKAN TESIS	HONORARIUM (sekali lantikan) (RM)	ELAUN HARIAN (RM)	KEMUDAHAN
Profesor	2 000.00	150.00	Penginapan dan tiket Kapal Terbang Kelas Perniagaan bagi Profesor (untuk seorang sahaja) dan tiket Kelas Ekonomi bagi Prof. Madya.
Prof. Madya	1 500.00	100.00	

4. Kemudahan Perubatan : Untuk diri sendiri di Klinik Panel atau Hospital Kerajaan/Hospital Universiti.
5. Bidang Tugas : Memeriksa dan menilai peperiksaan pelajar.  
: Menilai taraf peperiksaan dan skim pemeriksaan yang dijalankan oleh Jabatan berkenaan.

## J. PENILAI LUAR PROGRAM AKADEMIK

1. Fakulti/Pusat/Institut boleh memilih calon-calon daripada Universiti luar/dalam negara yang pakar dan sesuai dengan keperluan Fakulti/Pusat/Institut sebagai penilai program-program akademik yang ditawarkan oleh Fakulti.
2. Perakuan daripada Fakulti diperlukan dengan mengemukakan latar diri kepakaran serta kecemerlangan calon dan kelulusan peringkat mesyuarat Fakulti/Pusat/Institut dengan cadangan tempoh pelantikan.
3. Calon yang dicadangkan oleh Fakulti seterusnya akan diperakukan untuk kelulusan Senat.
4. Memenuhi syarat mendapatkan kelulusan/persetujuan organisasi asal (tempat calon bertugas).
5. Calon-calon terbuka kepada warganegara dan bukan wargenegara.
6. Tiada had umur ditetapkan bagi skim pelantikan ini.

### SKIM LANTIKAN

1. Jawatan : Pemeriksa/Penilai Luar Program Akademik.
2. Tempoh Lantikan (Kontrak) : 1 bulan.
3. Elaun dan Kemudahan :

PENILAI LUAR (BUKAN TESIS)	HONORARIUM SEBULAN (sekali bayar) (RM)	ELAUN HARIAN (RM)	KEMUDAHAN
Profesor	4 000.00	150.00	Penginapan dan tiket Kapal Terbang Kelas Perniagaan bagi Profesor (untuk seorang sahaja) dan tiket Kelas Ekonomi bagi Prof. Madya.
Prof. Madya	3 000.00	100.00	

4. Kemudahan Perubatan : Untuk diri sendiri di Klinik Panel atau Hospital Kerajaan/Hospital Universiti.
5. Bidang Tugas : Mengkaji program-program akademik yang ditawarkan oleh Fakulti berkenaan mengikut kurikulum, bentuk kursus dan penilaian buku-buku teks untuk semua kursus yang ditawarkan.  
: Mengemukakan laporan sulit dan cadangan terus kepada Naib Canselor untuk memperbaiki program akademik Jabatan.

### K. PELANTIKAN PROFESOR ADJUNG

1. Fakulti/Pusat/Institut boleh memilih calon-calon dari luar USIM yang pakar dan sesuai dengan keperluan Fakulti/Pusat/Institut sebagai tenaga pengajar/perunding untuk memantapkan program/kursus yang ditawarkan.
2. Perakuan daripada Fakulti diperlukan dengan mengemukakan latar diri kepakaran serta kecemerlangan calon berserta dengan cadangan tempoh pelantikan.
3. Memenuhi syarat mendapatkan kelulusan/persetujuan organisasi asal (tempat calon bertugas) serta calon dalam tempoh yang dicadangkan.
4. Calon yang dicadangkan oleh Fakulti akan diperakukan untuk kelulusan Jawatankuasa Pemilihan Prof. Adjung dan seterusnya diperakukan oleh Senat. Calon yang diperakukan oleh Senat dibawa ke LPU untuk kelulusan.
5. Calon-Calon terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara.
6. Tiada had umur ditetapkan bagi skim pelantikan ini.

#### SKIM LANTIKAN

1. Jawatan : Profesor Adjung.
2. Tempoh Lantikan (Kontrak) : 1 - 2 tahun.
3. Saguhati : RM2 500.00 setahun.  
Elaun Harian : RM150.00 sehari pada hari-hari menjalankan tugas di Jabatan/Fakulti.
4. Kemudahan Tambang Kapal Terbang Kelas Perniagaan pergi dan balik (pada tarikh-tarikh yang dikehendaki oleh Fakulti/Pusat/Institut).
5. Bidang Tugas : Mengendalikan sekurang-kurangnya satu seminar setiap semester.  
: Memberi kuliah kepada tenaga pengajar dan pelajar Fakulti mengenai bidang yang dikenalpasti oleh Fakulti.  
: Menilai dan memberi pandangan kepada Fakulti untuk mewujudkan program-program-program baru.  
: Menilai dan memberi input kepada kurikulum pengajian Sarjana Muda dan Ijazah Lanjutan.  
: Menjadi penasihat kepada Jawatankuasa Jawatankuasa yang dikenalpasti Fakulti.  
: Menyumbang artikel/penulisan untuk diterbitkan oleh Fakulti.
6. Penamatan Perkhidmatan : Pihak Universiti dan calon boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberitahu secara bertulis.

## L. PELANTIKAN KURSI KURNIAAN

1. Fakulti/Pusat/Insitut boleh memilih calon-calon dari Universiti Luar/Dalam Negeri yang pakar dan sesuai dengan keperluan Fakulti/Pusat/Institut sebagai tenaga pengajar untuk memantapkan program/kursus yang ditawarkan.
2. Perakuan daripada Fakulti diperlukan dengan mengemukakan latar diri kepakaran serta kecemerlangan calon dengan cadangan tempoh pelantikan.
3. Memenuhi syarat mendapatkan kelulusan/persetujuan organisasi asal (tempat calon bertugas) serta calon dalam tempoh yang dicadangkan.
4. Calon yang diperakukan oleh Fakulti/Pusat/Institut seterusnya akan diperakukan kepada penaja.
5. Calon-calon terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara (jika bukan warganegara perlu kelulusan Imigresen).
6. Tiada had umur ditetapkan bagi skim pelantikan ini.

### SKIM LANTIKAN

1. Jawatan : Penyanggah Kursi.
2. Tempoh Lantikan (Kontrak) : 1 – 2 tahun.
3. Elaun dan Kemudahan :
  - Honorarium : Ditentukan oleh penaja
  - Perubatan : Untuk diri sendiri dan ahli keluarga di Klinik Panel atau Hospital Kerajaan/ Hospital Universiti.
  - Tambang Kapal Terbang : Kelas Perniagaan pergi dan balik (dalam tempoh pelantikan)
  - Kenderaan : Mengikut keperluan
  - Penginapan : Disediakan
4. Bidang tugas : Menjalankan pengajaran kursus
  - : Menjalankan penyelidikan/perundingan dan seterusnya menerbitkan hasil-hasilnya atau membenteng hasil kajiannya di seminar Jabatan/Fakulti Universiti atau luar USIM (penyelidikan boleh dilakukan dengan memohon peruntukan penaja).
  - : Hasil penulisan atau penerbitan adalah menjadi kepunyaan Universiti.
  - : Kebenaran dari Universiti diperlukan jika hasil/penulisan untuk diterbitkan di luar.

5. Cuti : Budibicara.
6. Penamatan  
Perkhidmatan : Pihak Universiti dan calon boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberitahu secara bertulis.

### M. PELANTIKAN FELO PENYELIDIK

1. Fakulti/Pusat/Institut boleh memilih calon-calon dalaman (USIM) yang sesuai dengan keperluan Fakulti/Pusat/Institut sebagai tenaga penyelidik untuk memantapkan program/kursus di Jabatan/Fakulti.
2. Perakuan daripada Fakulti diperlukan dengan mengemukakan latar diri calon dan kelulusan peringkat pengurusan Fakulti/Pusat/Insitut dengan cadangan tempoh pelantikan bergantung kepada lama projek yang dijalankan.
3. Memenuhi syarat mendapatkan kelulusan/persetujuan organisasi asal (tempat calon bertugas) serta calon dalam tempoh yang dicadangkan.
4. Calon yang dicadangkan oleh Fakulti seterusnya akan diperakukan oleh pihak Universiti untuk pelantikan.
5. Calon-calon terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara (jika bukan warganegara perlu kelulusan Imigresen).
6. Tiada had umur ditetapkan bagi skim pelantikan ini.

### SKIM LANTIKAN

1. Jawatan : Felo Penyelidik.
2. Tempoh Lantikan (Kontrak) : Tidak ditentukan.
3. Elaun dan Kemudahan : Tiada melibatkan pembayaran elaun.
4. Bidang tugas : Menjalankan pengajaran kursus.  
:Menjalankan penyelidikan/perundingan dan Membentang hasil kajiannya di seminar Jabatan/Fakulti Universiti atau luar USIM (penyelidikan boleh dilakukan dengan memohon peruntukan penaja).  
: Hasil penulisan atau penerbitan adalah menjadi kepunyaan Universiti.  
: Kebenaran dari Universiti diperlukan jika hasil penulisan untuk diterbitkan di luar.
5. Penamatan Perkhidmatan : Pihak Universiti dan calon boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberitahu secara bertulis kepada Dekan dan salinan kepada Bahagian Sumber Manusia.

## N. PELANTIKAN SARJANA TAMU

1. Seorang yang terkemuka/ahli/tokoh dalam bidangnya sama ada bidang akademik atau kepakaran.
2. Hendaklah terkenal dan masyarakat Universiti akan mendapat faedah daripada kehadirannya.
3. Semua pencalonan dari Jabatan untuk pelantikan semula selepas bersara sebagai Sarjana Tamu hendaklah dimajukan kepada Fakulti/Pusat/Institut sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh persaraan calon untuk dipertimbangkan.
4. Perakuan Jawatankuasa Penilaian/Kesepakatan Fakulti/ Pusat/Institut bagi menilai prestasi dan kesesuaian calon untuk dilantik semula selepas bersara sebagai Sarjana Tamu.
5. Fakulti/Pusat/Institut hendaklah mengenalpasti projek-projek penulisan yang dilakukan oleh calon akan memberi faedah atau manfaat kepada masyarakat Universiti.
6. Calon-calon terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara (jika bukan warganegara perlu kelulusan Imigresen).
7. Semua perakuan akan dikemukakan kepada Mesyuarat Pengurusan Universiti.
8. Tiada had umur ditetapkan bagi skim pelantikan ini.

## SKIM LANTIKAN

1. Jawatan : Sarjana Tamu.
2. Tempoh Lantikan : 6 bulan hingga 2 tahun secara sepenuh masa.
3. Saguhati : RM3 500.00 sebulan.
4. Perubatan : Untuk diri sendiri sahaja sama ada di Klinik Panel atau Hospital Kerajaan/ Universiti.
5. Bidang tugas : Menyiapkan projek penulisan di dalam tempoh pelantikan.  
: Mengemukakan laporan kemajuan setiap 6 bulan.  
: Memberi ceramah/seminar mengikut keperluan Universiti.
6. Penamatan Perkhidmatan : Pihak Universiti akan menyediakan kemudahan keperluan yang diperlukan bagi menghasilkan karya. Walau bagaimanapun, hasil penulisan dan penerbitan tersebut adalah menjadi kepunyaan Universiti. Royalti (jika berkenaan) akan dibayar mengikut peraturan yang berkuatkuasa di Universiti ini.
7. Cuti : 30 hari setahun tertakluk kepada kelulusan Naib Canselor.

### O. PELANTIKAN KARYAWAN TAMU

1. Seorang yang terkemuka/ahli/tokoh berpengalaman dalam bidangnya sama ada bidang akademik atau kepakaran.
2. Universiti akan mendapat faedah daripada hasil kepakarannya.
3. Semua pencalonan sebagai Karyawan Tamu hendaklah dimajukan ke Jabatan Pendaftar.
4. Fakulti/Pusat/Institut hendaklah mengenal pasti projek-projek penulisan yang dilakukan oleh calon akan memberi faedah atau manfaat kepada masyarakat Universiti.
5. Calon-calon terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara (jika bukan warganegara perlu kelulusan Imigresen).
6. Perakuan akan dikemukakan kepada Mesyuarat Pengurusan Universiti.
7. Tiada had umur ditetapkan bagi skim pelantikan ini.
8. Karyawan Tamu yang dilantik adalah bertanggungjawab kepada Naib Canselor dan Dekan Fakulti/Pusat/Institut berkenaan.
9. Karyawan Tamu yang dilantik adalah setiap masa tertakluk kepada Perlembagaan Universiti Sains Islam Malaysia, Statut, Akta, Syarat-syarat Perkhidmatan dan Peraturan-peraturan yang berkuatkuasa di Universiti ini.

### SKIM LANTIKAN

- |                     |   |
|---------------------|---|
| 1. Jawatan          | : Karyawan Tamu.  |
| 2. Tempoh Lantikan  | : 1 hingga 2 tahun.   |
| 3. Imbuhan Saguhati | : <b>Secara Sepenuh Masa</b><br>: RM 3 000.00 sebulan.                  |
| Saguhati            | : <b>Secara Separuh Masa/Jarak Jauh</b><br>: RM 1 700.00 sebulan.       |
| 4. Tempat Kediaman  | : Tempat kediaman yang sesuai akan disediakan oleh Universiti.          |
| 5. Perubatan        | : Untuk diri sendiri di Klinik Panel atau Hospital Kerajaan/Universiti. |

6. Bidang tugas :
- : Menyalurkan kepakaran yang ada untuk memberi manfaat kepada Universiti dan negara.
  - : Membentangkan kertas berkaitan dengan penyelidikan penulisan.
  - : Membantu Jabatan dan Fakulti dalam menganjurkan seminar dan kegiatan akademik.
  - : Menyiapkan buku/projek penulisan dalam tempoh pelantikan dan dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan selepas 6 bulan sehingga maksimum tempoh keseluruhan pelantikan dengan syarat Universiti ini berpuas hati dengan kemajuan projek.
  - : Menghasilkan karya-karya dalam bidang yang berkenaan.
  - : Mengadakan pameran dan pertunjukan (jika bersesuaian).
  - : Menjalankan tugas seperti yang diarahkan oleh Naib Canselor dan Dekan Fakulti berkenaan dari masa ke semasa.
7. Royalti : Universiti akan menyediakan seberapa yang boleh keperluan yang dikehendaki bagi menghasilkan buku/karya. Semua penghasilan tersebut adalah kepunyaan Universiti. Royalti (jika berkenaan) akan dibayar mengikut peraturan yang berkuatkuasa di Universiti ini.
8. Cuti (Bagi Pelantikan) : 30 hari setahun tertakluk kepada kelulusan Naib Canselor.

**SKIM LANTIKAN**

1. Jawatan : Lantikan Bersama (Double Appointment).
2. Tempoh Lantikan : Mengikut keperluan.
3. Cara Pelantikan : PPS perlu mendapat persetujuan dari Fakulti Induk dan pensyarah yang terlibat. Lantikan akan diuruskan oleh Jabatan Pendaftar.
4. Bidang tugas : Menjalankan pengajaran kursus bagi program program yang dikenal pasti oleh PPS.  
: Menyelia pelajar PPS bagi program Sarjana dan Doktor Falsafah juga di Fakulti asal.  
: Permohonan untuk menjalankan penyelidikan, persidangan, penulisan/ penerbitan boleh dipohon daripada Fakulti asal dan PPS jika relevan dengan kursus yang diajar.

**SKIM LANTIKAN**

1. Skim : Speakers Jemputan.
2. Tempoh Lantikan : Mengikut keperluan.
3. Elaun dan Perkhidmatan
  - Profesor** : RM 300.00 sejam (maksimum tidak melebihi RM1 000.00) untuk sekali lawatan.
  - Profesor Madya** : RM 180.00 sejam (maksimum tidak melebihi RM 1 000.00) untuk sekali lawatan.
  - Pensyarah** : RM 150.00 sejam (maksimum tidak melebihi RM 1 000.00) untuk sekali lawatan.
  - : Elaun perjalanan/ tiket kelas ekonomi mana yang bersesuaian.
  - : Penginapan mengikut kadar pelawat.
4. Cara Pelantikan : Pusat/Institut memperakukan dan melantik setelah diluluskan oleh Naib Canselor.

**SKIM LANTIKAN**

1. Skim : Pensyarah Jemputan.
2. Tempoh Lantikan : Mengikut keperluan.
3. Elaun dan Perkhidmatan : RM 200.00 untuk sekali jemput.  
: Elaun perjalanan/ tiket kelas ekonomi mana yang bersesuaian.  
: Penginapan mengikut kadar pelawat.
4. Cara Pelantikan : Fakulti memperakukan dan melantik setelah diluluskan oleh Naib Canselor.



© 2009. Hakcipta Terpelihara.

Disediakan oleh:  
Unit Perjawatan Akademik,  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar,  
Aras III, Bangunan Canselori,  
Universiti Sains Islam Malaysia,  
71800 Bandar Baru Nilai,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.  
<http://www.usim.edu.my>